

D918

U 8866 DEB

MAHATHIR - BUKU

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS JAM 2045 HARI INI)

KUALA LUMPUR, 21 JAN (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA, RAKYAT NEGARA INI HENDAKLAH BERANI MENGUASAI BAHASA-BAHASA ASING UNTUK MENIMBA ILMU PENGETAHUAN.

UNTUK MEMPEROLEHI ILMU, SESEORANG ITU TIDAK BOLEH MEMILIKI SEMANGAT NASIONALISME YANG SEMPIT, KATANYA.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA MEMPELAJARI BAHASA ASING TIDAK AKAN MENJEJASKAN SEMANGAT KEBANGSAAN SESEORANG SELAGI IA TIDAK MEMBELAKANGKAN BAHASANYA SENDIRI.

+YANG PENTING IALAH DIA MENJADI WARGANEGARA YANG BERILMU. WARGANEGARA YANG JAHIL TIDAK AKAN DENGAN SENDIRINYA MENJADI WARGANEGARA YANG SETIA. DEMIKIAN JUGA WARGANEGARA YANG BOLEH BERTUTUR LEBIH DARIPADA SATU BAHASA TIDAK SEMESTINYA TIDAK SETIA+, TEGAS BELIAU.

KETIKA BERUCAP MELANCARKAN TAHUN PEMBACA 1988 MELALUI RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA MALAM INI, BELIAU BERKATA, SESEORANG ITU TIDAK PERLU TERAGAK-AGAK MENGUASAI BAHASA ASING DALAM MENGEJAR ILMU PENGETAHUAN KERANA DENGAN KEUPAYAAN MEMBACA BUKU BERBAHASA ASING AKAN MEMBERI GANJARAN BESAR KEPADANYA.

JIKA ILMU YANG DIPEROLEHI DALAM BAHASA LAIN, DISAMPAIKAN PULA DALAM +BAHASA KITA SENDIRI, MAKA AKAN BERTAMBAH KUKUH DAN BERKESANLAH BAHASA KITA+, KATA BELIAU. -- LAGI.

1806MST 21 01 88

U 8867 DEB

MAHATHIR - BUKU 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

BELIAU MENGESALI SIKAP SESETENGAH PELAJAR DI NEGARA INI YANG HANYA MEMBACA BUKU-BUKU TEKS DAN MENGHENTIKAN TABIAT MEMBACA SELEPAS MENAMATKAN PELAJARAN MEREKA.

KURANGNYA MINAT MEMBACA INI MEMAKSA KERAJAAN MEWAJIBKAN HANYA CALON YANG MEMBACA SEKURANG-KURANGNYA TIGA BUAH BUKU, SELAIN BUKU-BUKU TEKS, SAHAJA LAYAK DIPILIH MENJALANI LATIHAN PERGURUAN.

+SEPATUTNYA, DI MALAYSIA YANG MEWAH DENGAN BAHAN-BAHAN BACAAN, KITA MENSYARATKAN HANYA MEREKA YANG BANYAK MEMBACA BUKU SAHAJA DIPILIH UNTUK SESUATU JAWATAN,+ KATA PERDANA MENTERI.

BELIAU MENAMBAH KATA, PARA GURU HARUS MEMAINKAN PERANAN UTAMA MENYERAI MINAT MEMBACA DI KALANGAN MURID-MURID DENGAN MEMBERI KEPUJIAN KEPADA MEREKA YANG MENGGUNAKAN BUKU-BUKU BERKENAAN SEBAGAI SUMBER DALAM RENCANA ATAU KEGIATAN PELAJARAN MEREKA.

GURU-GURU SENDIRI HARUS LEBIH BANYAK MEMBACA UNTUK MENINGKATKAN KEUPAYAAN DALAM PROFESION MEREKA DAN MENDAPAT PENGHORMATAN DARIPADA MURID-MURID MEREKA, KATANYA. -- LAGI.

1806MST 21 01 88

U 0867 DEB
MAHATHIR - BUKU 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PERDANA MENTERI BERKATA, MINAT MEMBACA PERLU DIPUPUK DARI SEMASA DI BANGKU SEKOLAH DAN PARA PENUNTUT SEPATUTNYA TAMAT MEMBACA SEKALI (LALU SEMUA BUKU TEKS MEREKA PADA BULAN PERTAMA BUKU-BUKU ITU DIPEROLEHI.

SEPATUTNYA SEMUA MURID MEMINJAM BUKU PERPUSTAKAAN UNTUK DIBACA DI RUMAH DAN WAKTU REHAT PULA DIGUNAKAN UNTUK MEMBACA BUKU DI PERPUSTAKAAN.

PERDANA MENTERI MENCADANGKAN SUPAYA MAJLIS KEMAJUAN BUKU KEBANGSAAN MALAYSIA (MKKBKM) MENGELUARKAN KATALOG BUKU BARU PADA SETIAP TAHUN BAGI MEMUDAHKAN ORANG RAMAI MEMBELI BAHAN-BAHAN BACAAN YANG SESUAI.

KATALOG BERKENAAN BOLEH DIEDAR SECARA PERCUMA ATAU DIJUAL DENGAN HARGA YANG BERPATUTAN KEPADA ORANG RAMAI SEBAGAI PANDUAN Mencari BUKU-BUKU BERKENAAN.

SELAMA INI, PARA PEMBACA Mencari-CARI BUKU DI KEDAI-KEDAI BUKU TETAPI BUKU BERKENAAN TIDAK DIPEROLEHI DI SITU, APATAH LAGI KEBANYAKAN KEDAI BUKU TERDAPAT DI KAWASAN BANDAR SAHAJA. -- LAGI.
1818MST 21 01 88

D924

U 0871 DEB
MAHATHIR - BUKU 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, ADA BAIKNYA BUKU UMUM BAGI BACAAN ORANG RAMAI DITERBITKAN DALAM BENTUK YANG MURAH SEPERTI DALAM BENTUK KULIT LEMBUT SUPAYA LEBIH RAMAI ORANG MAMPU MEMBELINYA.

BELIAU BERKATA KERAJAAN BERSEEDIA MENIMBANG UNTUK MEMBANTU APA-AFA USAHA MENTERJEMAH KARYA PENULIS-PENULIS TERKENUKA DUNIA KE DALAM BAHASA MALAYSIA.

+SAYA BERHARAP SAUDARA-SAUDARI DAPAT MENJADIKAN BUKU SEBAGAI TEMAN HIDUP SEHARI-HARI, KERANA BUKU ADALAH JAMBATAN ILMU YANG DAPAT MENGHUBUNGKAN KITA DENGAN ALAM PERSEKITARAN KITA, DENGAN NEGARA KITA DAN DENGAN DUNIA LUAR,+ KATA PERDANA MENTERI. -- BERNAMA.
1819NST 21 01 88